

**SULIT**

**1103/2  
Bahasa Melayu  
Kertas 2  
Peraturan Pemarkahan  
2021**



**MODUL ULANG KAJI BERFOKUS BM 2 SPM 2021 (SET 2)**

---

---

**PERATURAN PEMARKAHAN 1103/2 (PP)**

---

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

Kertas Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 16 halaman bercetak

**\*Nota: Panduan penskoran ini bukan dihasilkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.**

**Markah penuh 100 markah****BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA  
[ 35 markah ]**

Markah penuh dibahagikan kepada  
Soalan 1: 6 markah  
Soalan 2: 6 markah  
Soalan 3: 11 markah  
Soalan 4: 6 markah  
Soalan 5: 6 markah

**PANDUAN PENSKORAN****Perhatian bagi Soalan1 : Morfologi [6 markah]**

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata kerja yang disenaraikan dengan betul.
2. Jika calon menyenaraikan lebih daripada 3 kata kerja, semak setakat 3 kata kerja yang pertama sahaja.
3. Berikan 1 markah bagi setiap ayat daripada kata kerja yang betul.
4. Jika calon membina lebih daripada 3 ayat, semak setakat 3 ayat yang pertama sahaja.
5. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
6. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
8. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
9. Ayat tidak jelas maksudnya, berikan 0 markah bagi setiap ayat.
10. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
11. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
12. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi penggunaan tanda bacanya.

**Skema Jawapan****Kata kerja :****(i)membentuk**

1. membuat / mendirikan / menubuhkan / menyusun
2. melengkung / melentur
3. menjadikan atau membuat supaya melengkung
4. menjadikan sesuatu mengikut bentuk yang tertentu

**ii) merupakan**

1. menjadikan / membentuk / membuat / menjadikan
2. menjelma / berlagak sebagai
3. melahirkan / menggambarkan / mewujudkan
4. melambangkan / melukiskan / menggambarkan

**(iii) memartabatkan**

1. menjadikan sesuatu bermartabat
2. meningkatkan maruah

**(iv) menguasai**

1. berkuasa atas sesuatu
2. mengawal keadaan / mengekang nafsu
3. memiliki / menguruskan / mengendalikan
4. mengetahui dengan mendalam

**(v) mengangkat**

1. mengerakkan ke atas / menaikkan / meninggikan
2. membawa pergi atau membawa dari satu tempat ke tempat yang lain
3. melantik (kedudukan, taraf, pangkat)
4. melakukan / menyatakan (sumpah)
5. mengambil sebagai / mengakui sebagai (anak)
6. memuji

<b>Senarai kata kerja</b>	<b>:</b>	<b>3 markah</b>
<b>Ayat</b>	<b>:</b>	<b>3 markah</b>

**Perhatian bagi Soalan 2 : Sintaksis**

1. Berikan 1 markah bagi setiap subjek yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap predikat yang betul.
3. Susunan dan maksud ayat mesti dikekalkan bagi setiap subjek dan predikat.
4. Jika susunan ayat tidak dikekalkan beri 0 markah.
5. Tidak menambah perkataan lain atau mengurangkan perkataan yang sedia ada dalam ayat.

**Skema Jawapan**

Subjek	:	Malaysia
Predikat	:	merupakan antara penyumbang kepada peningkatan jumlah sisa plastik di dunia.
Subjek	:	Sifat plastik yang tahan lama dan mudah didapati
Predikat	:	menjadikan plastik pilihan utama dalam sektor industri.
Subjek	:	Peningkatan pengeluaran plastik dunia
Predikat	:	disebabkan permintaan yang tinggi dalam penggunaan bahan tersebut telah mencetuskan fenomena mikroplastik.

Subjek : Ada hidupan laut yang mati  
Predikat : akibat terperangkap dalam sisa plastik.

Subjek : Hidupan laut yang tercemar  
Predikat : memberikan kesan serius dalam sistem pencernaan manusia

**[6 markah]****Perhatian bagi Soalan 3 : Penyuntinging**

- (i) Periksa jawapan calon setakat enam kesalahan pertama yang disenaraikan bagi petikan 1 dan lima kesalahan pertama yang disenaraikan bagi petikan 2.
- (ii) Berikan 1 markah bagi setiap kesalahan bahasa yang dibetulkan dengan tepat.
- (iii) Berikan 0 markah jika calon tidak menyenaraikan perkataan yang salah.
- (iv) Terima jawapan jika calon membetulkan kesalahan dalam petikan yang ditulis semula.

**Petikan 1**

- i. tinggi – besar/meluas (istilah)
- ii. setengah –sesetengah (penjodoh bilangan)
- iii. taksub – taasub (ejaan)
- iv. siber buli – buli siber (hukum DM)
- v. di dalam - dalam ( kata sendi)
- vi. menghadkan- mengehadkan (imbuhan)
- vii. mengelakan mengelakkan (imbuhan)

**[6 markah]**

**Petikan 2**

- i. warga negara – warganegara (ejaan)
- ii. berkelayakkan– berkelayakan (imbuhan)
- iii. tahap – taraf (istilah)
- iv. kerajaan iktiraf - diiktiraf oleh kerajaan (bahasa)
- v. pemohonan - permohonan (imbuhan)
- vi. menguasai – memenuhi/memiliki/mempunyai (istilah)
- vii. e-mail – e-mel (ejaan)

**[5 markah]****Perhatian bagi Soalan 4: Bahasa Melayu Standard****Panduan Penskoran**

Bil	Markah	Kriteria
1	<b>Cemerlang</b> ( 5-6 )	1.Struktur ayat mengikut petikan. 2.Mengekalkan maksud seperti dalam petikan 3.Mengekalkan laras bahasa istana jika berkenaan . 4.Tanda baca dalam setiap ayat dikekalkan. 5.Penggunaan kata yang tepat dan gramatis.
2	<b>Baik</b> ( 3-4 )	1.Struktur ayat masih mengikut petikan. 2.Masih mengekalkan maksud seperti dalam petikan 3.Masih mengekalkan laras bahasa istana . 4.Tanda baca dalam setiap ayat masih dikekalkan. 5.Penggunaan kata yang masih tepat dan gramatis.
3	<b>Lemah</b> (1- 2 )	1.Sebahagian besar struktur ayat dalam petikan tidak dikekalkan. 2. Sebahagian besar maksud dalam ayat tidak dikekalkan. 3.Sebahagian besar laras bahasa istana tidak dikekalkan. 4. Sebahagian besar tanda baca dalam setiap ayat tidak dikekalkan 5.Banyak kesalahan penggunaan kata dan bahasa tidak gramatis

**Cadangan jawapan:**

Apabila hari malam Kertala Sari masuk ke dalam kota. Dia mendengar bunyi orang berkawal dan bunyi lembing tangkis-menangkis. Kertala Sari pun membaca manteranya sambil berjalan di tengah-tengah orang ramai lalu masuk ke dalam rumah Bendahara. Dia mencuri harta yang berharga dan membawanya pergi.

Apabila hari siang, Bendahara terkejut lalu mengatakan berlaku kecurian.

**[6 markah]****Perhatian bagi Soalan 5: Peribahasa**

1. Berikan 1 markah untuk setiap peribahasa yang tepat.
2. Berikan 1 markah untuk setiap maksud peribahasa yang tepat.
3. Berikan 0 markah untuk peribahasa yang salah.
4. Periksa atau tanda 3 peribahasa yang pertama sahaja.

**Skema jawapan**

1. Bagai kaca terhempas ke batu  
Maksud : hati yang hancur kerana dukacita
2. Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya  
Maksud : cita-cita tanpa usaha tidak akan tercapai
3. Belakang parang kalau diasah lagikan tajam  
Maksud : orang yang bodoh kalau diajar / belajar bersungguh-sungguh pasti memperoleh kejayaan
4. Pisang tidak berbuah dua kali  
Maksud : sentiasa berhati-hati agar tidak melakukan kesilapan yang sama

**[6 markah]**

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**  
**[35 Markah]**

Markah penuh 35 dibahagikan kepada

- |           |           |
|-----------|-----------|
| Soalan 6: | 12 markah |
| Soalan 7: | 13 markah |
| Soalan 8: | 10 markah |

**Perhatian bagi soalan 6[ Petikan Umum ] dan soalan 7 [ Petikan Sastera ]**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sempurna**

**Panduan Penskoran Soalan pemahaman**

**1. Soalan 2 markah:**

DESKRIPSI	MARKAH
-Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
-Jawapan tepat tetapi ayat tidak gramatis -Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup tetapi ayat gramatis	1
-Jawapan tidak tepat / salah	0

**2. Soalan 3 markah:**

DESKRIPSI	MARKAH
-Isi cukup dan lengkap/relevant dengan tugasan dan ayat gramatis	3
-Isi cukup dan lengkap/relevant tetapi ayat kurang gramatis	2
-Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat gramatis	1
-Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat gramatis	0

**3. Soalan 4 markah:**

DESKRIPSI	MARKAH
-Isi cukup dan lengkap/relevant dengan tugasan dan ayat gramatis	4
-Isi cukup dan lengkap/relevant tetapi ayat kurang gramatis	3
-Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat masih gramatis	2
-Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
-Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugasan, ayat gramatis	0

### **Soalan 6 : Petikan Umum**

Markah

### Cadangan Jawapan :

- (i) Maksud *pelbagai dasar*  
- bermacam-macam/berbagai-bagai polisi  
- bermacam-macam/berbagai-bagai *dasar*  
- *pelbagai* polisi

[ Maksimum : 2 markah ]

- (ii) Cara-cara yang perlu dilakukan oleh rakyat Malaysia untuk memastikan perpaduan dapat dikekalkan?

- |         |   |   |
|---------|---|---|
| P1 (B1) | menghormati perbezaan kepelbaaan agama  | 1 |
| P2 (B1) | membuang sikap perkauman dan ketaasuhan agama.  | 1 |
| P3 (B2) | melaksanakan tanggungjawab mempertahankan perpaduan masyarakat pelbagai kaum dan agama di negara ini. | 1 |
| P4 (B2) | mengukuhkan keharmonian kaum dan toleransi beragama pada setiap peringkat                             | 1 |

[ Maksimum : 3 markah ]

[ Isi cukup : 2 isi(satu isi daripada setiap bahan)]

- (iii) Peranan pihak media memupuk amalan positif

- |    |   |   |
|----|---|---|
| P1 | menyiarkan rancangan/program bertemakan amalan positif                          | 1 |
| P2 | mempromosikan/kempen/iklan berkaitan amalan baik                                | 1 |
| P3 | mengadakan pertandingan menulis karya bertemakan amalan baik dalam akhbar/media | 1 |
| P4 | menulis artikel/rencana tentang amalan baik                                     | 1 |
| P5 | mengadakan temu ramah/mewawancara tokoh masyarakat                              | 1 |
| P6 | menjalankan kerjasama dengan NGO dalam melaksanakan aktiviti                    | 1 |

[ Maksimum : 3 markah ]

[ Isi cukup : 2 isi ]

- (iv) Pendekatan-pendekatan untuk memastikan orang ramai memberikan sambutan terhadap setiap aktiviti kejiraninan yang dijalankan.

- |    |  |   |
|----|--|---|
| P1 | mengadakan aktiviti pada hari cuti/hujung minggu   | 1 |
| P2 | menghebahkan/memberitahu aktiviti dalam talian     | 1 |
| P3 | mendapatkan maklum balas aktiviti /penduduk        | 1 |
| P4 | berbincang/ meminta pendapat orang ramai /ajk      | 1 |
| P5 | menyediakan hadiah / cenderamata/penghargaan/sijil | 1 |
| P6 | menyediakan makan dan minum/menjamu peserta        | 1 |

[ Maksimum : 4 markah ]

[ Isi cukup : 3 isi ]

[Lihat halaman sebelah

**Soalan 7 : Petikan Sastera****Markah**

- |  |   |
|--|---|
| (i) Rangkai kata <i>kembali rimbun</i> bermaksud               |   |
| - lebat/tebal/padat semula                                     | 2 |
| - lebat/tebal/padat <i>kembali</i>                             | 1 |
| - <i>rimbun</i> semula   | 1 |
|  |   |
| (ii) Kesan kemaslahatan terhadap alam sekitar                  |   |
| P1(B1) runtuhlah sekeluarga pohon yang berusiakan kurun        | 1 |
| P2(B2) deru anginku musnah berdebu                             | 1 |
| P3(B2) kuala dan sungai dicemari kumbahan                      | 1 |
| P4(B2) nagis sampah sarap di celah segala tumpahan             | 1 |
| P5(B2) debu racun terapai-apai di ruang berjerebu              | 1 |
| P6(B2) dingin malam panasnya sampai ke siang                   | 1 |
| P7(B3) hutan dara itu telah ternoda                            | 1 |
| P8(B3) hutan itu telanjang polos                               | 1 |
| P9(B3) tinggal hanyalah serpihan kayu dan tunggul-tunggul mati | 1 |

**[ Maksimum : 4 markah ]****[ Isi cukup : 3 isi (1 isi bagi setiap bahan) ]**

- |   |   |
|---|---|
| (iii) Langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak kerajaan                                    |   |
| P1 mewartakan semua taman negara dan Hutan Simpan Kekal   | 1 |
| P2 menguatkuasakan tindakan undang-undang lebih berat/penjara/denda/tarik lesen                 | 1 |
| P3 mewajibkan semua pokok yang ditebang diganti/ ditanam semula                                 | 1 |
| P4 melaksanakan kempen kesedaran  | 1 |
| P5 pasukan penguatkuasa/ renjer hutan harus ditambah untuk buat pemantauan                      | 1 |
| P6 penggunaan teknologi seperti satelit/ helikopter/dron untuk pengawasan                       | 1 |
| P7 bekerjasama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk memberi kesedaran kepada masyarakat | 1 |

**[langkah yang lain boleh diterima sekiranya sesuai]****[ Maksimum : 3 markah ]****[ Isi cukup : 2 isi ]**

- |  |   |
|--|---|
| (iv) Sebagai ketua masyarakat yang prihatin, tindakan saya                 |   |
| P1 mengadakan mesyuarat/perbincangan dengan AJK/penduduk                   | 1 |
| P2 mengadakan/menganjurkan program/aktiviti gotong-royong                  | 1 |
| P3 membuat aduan/menulis surat kepada syarikat pembersihan/Majlis Tempatan | 1 |
| P4 meminta/memohon syarikat pembersihan menyediakan kemudahan tong sampah  | 1 |
| P5 mencadangkan aktiviti kitar semula                                      | 1 |
| P6 menyediakan kemudahan tong sampah berpusat                              | 1 |
| P7 menganjurkan /mengadakan pertandingan kebersihan perumahan              | 1 |

**[tindakan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai]****[ Maksimum : 4 markah ]****[Isi cukup: 3 isi]****[Lihat halaman sebelah****SULIT**

**Perhatian bagi soalan 8 [novel]****Panduan penskoran**

8. (i) Jawapan berdasarkan petikan novel.

	<b>Markah</b>
(i)	Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugasan dan ayat gramatis
(ii)	Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis.
(iii)	Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat masih gramatis.
(iv)	Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis
(v)	Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugasan, ayat gramatis

[ Maksimum : 4 markah ]

[ Isi cukup : 3 isi ]

8.(ii) Jawapan berdasarkan **sebuah** novel.

- (i) Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap dan jelas.
- (ii) Beri 2 markah bagi setiap peristiwa yang lengkap/ jelas
- (iii) Beri 1 markah bagi setiap peristiwa yang tidak jelas
- (iv) Markah isi maksimum 4 markah ( berdasarkan 2 isi yang lengkap/jelas ).
- (v) Markah bahasa maksimum 2 markah
- (vi) Markah bahasa diberi secara *impression*.  
Baik : 2 markah  
Lemah : 1 markah
- (vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah bahasa.
- (viii) Calon tidak menjawab 0 markah

[ Maksimum: 6 Markah ]

**Skema jawapan**

Soalan ( i ) :

**Ciri-ciri keselamatan bangunan di Soft Lab**

P1 Di kanannya, dinding konkrit	1
P2 Manakala, di sebelah kiri dinding kaca lutsinar	1
P3 Memerlukan imbasan retina dan juga jari	1
P4 Pintu itu tidak diletakkan sebarang tanda	1
P5 Memasuki pusat dua dari pintu belakang	1

[ Maksimum : 4 markah ]

[ Isi cukup : 3 isi ]

Soalan ( ii ) Peristiwa yang menyentuh perasaan anda.

**Novel Disebalik Dinara**

- 1) Peristiwa Farisha, Rosman dan Aqram telah menghadiri Simposium Keselamatan Sistem di Hotel Renaissance. Farisha teruja kerana setiap peserta diberi peluang untuk menggodam sistem komputer di Amerika Syarikat dan Jepun. Peristiwa ini membanggakan saya kerana walaupun Farisha, Rosman dan Aqram telah menjadi pakar dalam bidang komputer tetapi mereka tidak melepaskan peluang untuk menambahkan pengetahuan dalam bidang tersebut.
- 2) Peristiwa apabila Shida, rakan serumah Farisha sentiasa membantu Farisha seperti menghantar Farisha ke stesen monorel, menghantar ke Soft lab dan membantu Farisha menyemak dokumen kontrak. Pembaca berasa gembira kerana Farisha bertuah memiliki sahabat yang baik ketika susah dan senang.
- 3) Peristiwa Farisha dan Rosman telah berusaha mendapatkan kontrak dalam bidang komputer untuk syarikat mereka iaitu Secured Shell Sdn.Bhd. Farisha meminta Rosman memberikan tumpuan sepenuhnya projek di Senawang sementara Farisha meyakinkan Rosman bahawa dia boleh menguruskan sendiri projek Soft Lab. Pembaca berasa teruja dengan tindakan Farisha dan Rosman yang sanggup menanggung risiko dan bersungguh-sungguh dalam projek tersebut demi memajukan syarikat yang baru dibina bersama-sama.
- 4) Pada hari Isnin berikutnya, Farisha bersetuju berjumpa dengan Aqram di Soft Lab, Cyberjaya. Bangunan Soft Lab dilengkapi dengan sistem keselamatan yang canggih termasuklah penggunaan imbasan tangan dan retina mata. Aqram juga menunjukkan bilik dan ruang di situ canggih dan lengkap. Di sinilah Farisha mendapat kepastian bahawa tugasnya ialah menggodam dan mengukuhkan sistem Dinara. Pembaca berasa terharu dengan layanan baik yang diberikan oleh kakitangan syarikat Soft Lab kepada pekerja baharu seperti Farisha.
- 5) Peristiwa pertemuan Farisha dengan Karl ketika Karl sedang nazak. Farisha bertemu dengan Karl yang semakin tenat di rumah agam. Ketika pertemuan itu, Farisha hanya merenung wajah Karl yang kelihatan cengkung. Farisha berjanji kepada Karl bahawa dia akan sentiasa mengingati ayahnya itu. Farisha menangis mengucapkan selamat tinggal kepada Karl dan tidak semena-mena air mata mengalir di pipi lelaki itu. Pembaca berasa gembira kerana akhirnya Farisha berpeluang menemui ayah kandungnya buat kali terakhir.

[Lihat halaman sebelah

**Novel Silir Daksina**

- 1) Peristiwa apabila Ratna gagal mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM, dia bertekad membantu emaknya menguruskan gerai dengan dibantu oleh abang dan adiknya. Ratna bercita-cita untuk membuka restoran sendiri dan menjadi seorang usahawan berjaya. Dia tidak menoleh ke belakang dan akhirnya dia telah diberikan kepercayaan oleh emaknya mengurus gerai itu. Kesungguhan Ratna menguruskan perniagaan keluarganya sehingga dia berjaya mencapai impianya untuk menjadi ahli perniagaan membanggakan pembaca.
- 2) Peristiwa Tauke Ong yang terpaksa merantau dari Ipoh ke Batu Pahat, Johor kerana semua tanah mendiang bapanya habis digadaikan oleh abangnya yang suka berjudi. Tauke Ong sekeluarga terpaksa memulakan kehidupannya di tempat baharu dalam keadaan yang sukar. Tauke Ong bekerja menoreh getah di kebun ayah Cikgu Zam dan meraih hasil penduduk kampung pada waktu petang. Berkat kerajinannya, Tauke Ong telah berjaya membeli sebidang tanah untuk dijadikan tapak rumah. Pembaca berasa terharu dengan usaha gigih Tauke Ong memberikan keselesaan kepada keluarganya.
- 3) Peristiwa Haiqal tetap dengan pendiriannya untuk pergi ke kampung ayahnya mendapat tentangan keras daripada uminya dan uminya menyatakan kepada Haiqal bahawa dia tidak akan memberinya wang saku walau satu sen pun ke sana. Namun, ketika Haiqal membuat persembahan zapin, ibunya, walid dan adik tirinya Siti Aishah hadir menyaksikan Haiqal membuat persembahan. Sikap umi yang akhirnya merestui minat Haiqal ini menggembirakan pembaca kerana hubungan yang renggang dapat dipulihkan semula.
- 4) Peristiwa kesungguhan Ai Ling datang ke rumah Cikgu Zam setiap petang untuk belajar mengawal pernafasan selain perlukan konsentrasi ketika bersajak. Cikgu Zam mengajar Ai Ling cara mendeklamasikan sajak dengan sebutan dan intonasi yang betul sehingga pukul 6.30 petang setiap hari. Akhirnya Ai Ling memenangi pertandingan mendeklamasikan puisi peringkat sekolah untuk murid-murid tahap satu. Pembaca berasa bangga dengan usaha gigih Ai Ling sehingga berjaya dalam pertandingan tersebut.
- 5) Peristiwa Abdullah Kayan yang sanggup berpisah dengan isteri dan anaknya kerana kecintaannya terhadap sastera dan warisan budaya iaitu tarian zapin yang ada di kampungnya iaitu Sri Purnama Batu Pahat, Johor. Semasa di Batu Pahat, Abdullah Kayan telah berusaha mengembangkan seni tarian zapin. Beliau telah menghidupkan semula kumpulan zapin jincat D'Purnama dan menubuhkan Aksara untuk mengembangkan kesusasteraan dalam kalangan masyarakat Kampung Seri Purnama. Pembaca berasa bangga/terharu kerana Abdullah Kayan sanggup menghidupkan semula warisan budaya yang telah lama dipinggirkan.

**[mana-mana peristiwa yang membanggakan pembaca – diterima]**

**PANDUAN PENSKORAN**

Markah penuh 30 dibahagikan kepada

- |           |   |           |
|-----------|---|-----------|
| a) Isi    | - | 20 markah |
| b) Bahasa | - | 10 markah |

**a) Isi [20 markah]**

**Nota :**

- i. Panduan mengira perkataan :

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran
- penanda wacana
- peribahasa/ slogan

ii. Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

iii. Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

iv. Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

v. Rumusan mesti mengandungi 1 isi pendahuluan, 8 isi tersurat dan 1 isi kesimpulan;

vi. 8 isi tersurat mesti mengambil dari setiap bahan dan setiap fokus.

vii. Isi rumusan mesti menyentuh semua bahan dan semua fokus.

Bahagian	Isi	Jumlah isi yang dikira																Markah
(i) Pendahuluan	1	1																2
(ii) Isi																		
Fokus 1- <b>Bahan 1</b>	6	6	5	5	4	4	4	3	3	3	2	2	2	1	1	1	16	
Fokus 2- <b>Bahan 1</b> <b>-Bahan 2</b>	3	1	1	2	1	2	3	1	2	3	1	2	3	1	2	3		
	6	1	2	1	3	2	1	4	3	2	5	4	3	6	5	4		
<b>Jumlah isi</b>	8																	
(iii) Kesimpulan	1	1																2
<b>Jumlah</b>		10																20

[Lihat halaman sebelah

**b) Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa berdasarkan peringkat dan huraian dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Bahasa	Huraian
Cemerlang	8 - 10	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesinambungan isi baik</li> <li>- Struktur ayat / tatabahasa baik</li> <li>- Kosa kata amat luas</li> <li>- Tanda bacaan / ejaan betul</li> </ul>
Baik	5- 7	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesinambungan isi baik</li> <li>- Struktur ayat / tatabahasa baik</li> <li>- Kosa kata luas</li> <li>- Tanda bacaan / ejaan betul</li> </ul>
Sederhana	3 - 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesinambungan isi masih baik</li> <li>- Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan</li> <li>- Kosa kata masih memuaskan</li> <li>- Tanda bacaan / ejaan juga memuaskan</li> </ul>
	1 – 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan</li> </ul>

[ Markah bahasa maksimum: 10 markah]

\*Nota: Panduan penskoran ini bukan dihasilkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

**Pendahuluan (2 markah)**

	<b>Markah</b>
P1 Rumusan/petikan membincangkan kepentingan/faedah/ kebaikan/ manfaat/ kelebihan bidang sukan elektronik/e-sukan [F1] dan langkah-langkah /cara-cara/ usaha-usaha memajukan bidang sukan elektronik/ e-sukan di Malaysia/negara ini [F2]	2
P2 Rumusan membincangkan langkah-langkah /cara-cara/ usaha-usaha memajukan bidang sukan elektronik/ e-sukan [F2] dan kepentingan/faedah/ kebaikan/ manfaat/ kelebihan bidang sukan elektronik/e-sukan [F1] di Malaysia/negara ini.	2
P3 Petikan membincangkan kepentingan/faedah/ kebaikan/ manfaat/ kelebihan bidang sukan elektronik/e-sukan [F1] di Malaysia/ di negara ini	1
P4 Rumusan/petikan membincangkan langkah-langkah /cara-cara/ usaha-usaha memajukan bidang sukan elektronik/ e-sukan di negaran ini [F2]	1
P5 Rumusan/petikan membincangkan bidang sukan elektronik/e-sukan	0

**Isi Tersurat (16 markah)****Fokus 1: kepentingan bidang sukan elektronik/e-sukan****Bahan 1:**

K1 membantu mereka mengelakkan diri daripada terlibat dengan aktiviti negatif	2
K2 mempunyai kemampuan untuk menyelesaikan masalah dan berfikiran secara kreatif	2
K3 menyemai sikap berdaya saing dan tidak putus asa dalam kalangan pemainnya	2
K4 remaja juga dapat menjadikan e-sukan sebagai suatu kerjaya	2
K5 membuka ruang yang luas terhadap pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)	2

**Fokus 2 : langkah-langkah memajukan bidang sukan elektronik/ e-sukan****Bahan 1:**

L1 ibu bapa seharusnya tidak menghalang anak-anak mereka menjadikan e-sukan sebagai wadah untuk beriadah di alam maya.	2
L2 Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah membangunkan hab e-sukan	2
L3 pihak kerajaan seharusnya memberi sokongan sepenuhnya terhadap penganjuran e-sukan di semua peringkat	2

**Bahan 2:**

L4 penubuhan e-sukan bertaraf lima bintang di seluruh negara	2
L5 penganjuran e-sukan dengan penglibatan syarikat korporat	2
L6 membetulkan tanggapan sesetengah pihak tentang e-sukan	2
L7 e-sukan dijadikan sebagai aktiviti kokurikulum di sekolah	2

**Kesimpulan (2 markah)**

- |     |   |   |
|-----|---|---|
| KS1 | Kesimpulannya, pihak kerajaan perlulah memajukan bidang e-sukan agar bidang e-sukan terus berkembang /taraf hidup dapat ditingkatkan. | 2 |
| KS2 | Kesimpulannya, bidang e-sukan perlulah diceburi oleh setiap orang agar taraf hidup meningkat  | 2 |
| KS2 | Kesimpulannya, bidang e-sukan penting kepada negara   | 1 |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

